

Orang Mongol penyebar Islam berkali-kali



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

■ Siri kedua

Genghiz Khan membahagikan wilayahnya kepada empat bahagian. Wilayah yang terbesar dinamakan Khanate of Great Khan (dari Mongolia dan wilayah China).

Ini termasuk Dinasti Yuan yang terletak dalam wilayah besar China diasaskan Kublai Khan. Chagatai Khan iaitu salah seorang anak Genghiz Khan mengasaskan Chagatai Khanate yang menguasai wilayah di daerah Islam Asia Tengah termasuk Bukhara dan menguasai Khawarizm selepas mengalahkan Sultan Jalil ad din.

Berke Khan pula mengasas empayar di Blue Horde sementara saudaranya, Batu Khan mengasaskan empayar di White Horde.

Wilayah Blue Horde dan White Horde bergabung menjadi wilayah Golden Horde.

Ilkhanate ialah wilayah (di sebelah Iran, Iraq, Armenia, Azerbaijan, Georgia, Turkemistan, Turki, Afghanistan Barat dan barat laut Pakistan) dikuasai Hulagu Khan yang bertanggungjawab terhadap kemusnahan Dinasti Abbasiyyah.

Kublai Khan, Hulagu Khan dan Berke Khan adalah cucu kepada Genghiz Khan dan mereka adalah sepupu.

Berke Khan menjadi individu berbangsa Mongol pertama memeluk Islam. Beliau mendapat hidayah selepas pertemuannya

dengan seorang ulama dan ahli sufi di Khawarizm.

Selepas memeluk Islam, beliau menyetujui semangat kebangsaan yang kuat dalam dirinya dan terus membantu Islam dan Mamluk menentang tentera Mongol di bawah pimpinan Kitbuqa.

Dalam peperangan itu, beliau berjaya menawan Kitbuqa. Berke Khan terkenal sebagai Muslim yang taat. Beliau melarang sebarang makanan haram seperti babi dan arak di dalam majlis keriaan.

Beliau memerintahkan penyembelihan binatang dilakukan mengikut cara Islam.

Walaupun Hulagu Khan begitu kejam dan bertindak zalim terhadap Kerajaan Abbasiyyah, namun keturunannya menerima Islam sebagai agama mereka.

Ini bermula apabila

anaknyanya, Ahmad Takuder (pemerintah kedua dan dikenali juga sebagai Sultan Ahmad) dan seterusnya cicitnya bernama Mahmud Ghazan Khan (dikenali sebagai Casanus di Barat) daripada Abaqa Khan (anak Hulagu Khan) menjadi pemerintah Empayar Ilkhanate ketujuh adalah seorang Muslim.

Gazan Khan menerima Islam pada 1295 ketika mengambil alih pemerintahan dan ia adalah titik perubahan yang menjadikan Islam begitu dominan untuk orang Mongol di Asia Barat.

Penguasaan Mongol ke atas wilayah Islam dalam jangka masa 80 tahun menyebabkan mereka mula menerima Islam.

Selain itu, mereka juga menjadi penyebar Islam (pendakwah) yang amat berkesan.

Mereka bukan hanya sebagai Muslim pada diri, tetapi turut melaksanakan tugas sebagai seorang pendakwah yang mempertahankan serta menyebarkan Islam kepada pahlawan Mongol lain.

Apakah sebabnya bangsa Mongol di wilayah ini menjadi pembela Islam, walhal sebelumnya mereka bertindak secara kejam dan zalim terhadap orang Islam?

Ini disebabkan orang Islam di wilayah itu mempamerkan sifat lemah lembut yang menjadi contoh dan ahlak Islam terbaik.

Ia menjadi satu bentuk dakwah yang amat berkesan hingga menyebabkan generasi kedua dan ketiga Hulagu Khan menerima Islam secara keseluruhannya.

Seorang saudara kepada

Mammud Gazan Khan ialah Oljeitu Khan atau juga dikenali sebagai Muhammad Khodabandeh.

Beliau menjadi pemerintah kelapan Empayar Ilkhanate. Anak beliau bernama Abu Said Bahadur Khan mewarisi empayar dan menjadi pemerintah kesembilan (tahun 1316-1335).

Ilkhanate berpecah kepada wilayah kecil selepas kematian Abu Said.

Ia digantikan Arpa Ke'un dan itu menjadi iktibar kepada seluruh umat Islam supaya sentiasa istiqamah dalam perjuangan Islam kerana berpecahan menyebabkan masyarakat Islam mudah lenyap.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di Universiti Putra Malaysia (UPM)